



**PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**SYARAT DAN KRITERIA KELAYAKAN PENGAJIAN PEKERJA ASING**

**SEKTOR PERTANIAN**

*Agensi Kawal Selia*  
**Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)**

**SYARAT UTAMA**

1. Salinan Kad Pengenalan Pemohon;
2. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM);
3. Sijil Kelahiran bagi tanah milik ibu/ bapa atau Sijil Nikah bagi tanah milik suami/ isteri;
4. Geran Tanah bagi pengusaha yang mengusahakan tanah sendiri;
5. Perjanjian Sewa/ Pajak yang melebihi 3 tahun yang telah disetemkan dan Salinan Geran Pemilik Tanah yang disahkan oleh Pejabat Tanah dan Galian/ Sijil Carian Rasmi; dan
6. Surat Kebenaran daripada Pejabat Tanah dan Galian (jika berkenaan).

**Subsektor Tanaman**

1. Laporan Penyiasatan Permohonan Pekerja Asing Sub Sektor Tanaman (tempoh sah laku 6 bulan dari tarikh serahan laporan kepada pemohon seperti di mukasurat 10 pada laporan tersebut).

**Subsektor Ternakan**

1. Surat Sokongan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang masih sah (tempoh sahlaku adalah 1 tahun dari tarikh surat dikeluarkan) dengan tandatangan Pengarah Negeri tersebut; dan

2. Lesen Untuk Memelihara Unggas daripada DVS atau Menjalankan Aktiviti Berkaitan Unggas daripada Pihak Berkuasa Tempatan (Ayam/Itik/Burung) atau Lesen Penternakan Babi.

### **Subsektor Pemprosesan Sarang Burung Walet**

1. Pendaftaran Premis ID dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan/atau Lesen Operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
2. Laporan Penilaian Keperluan Pekerja Asing bagi RC SBW daripada DVS (tempoh sahlaku adalah 1 tahun).

### **Subsektor Akuakultur**

1. Surat Sokongan dan Laporan Penilaian daripada Jabatan Perikanan Malaysia yang masih sah (tempoh sahlaku adalah 6 bulan daripada tarikh dikeluarkan); dan
2. Lesen Untuk Mengendalikan Sistem Kultur Laut (untuk ternakan laut sahaja) daripada Jabatan Perikanan Malaysia.

### **Perikanan Tangkapan**

1. Lesen vesel dan peralatan penangkapan ikan yang masih sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (kelulusan akhir terus ke Jabatan Perikanan Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia); dan
2. Permohonan hanya bagi vesel zon C, C2 dan zon A (jerut bilis) sahaja.

**\*\*tertakluk kepada pengecualian.**

**\* Maklumat dikemaskini pada 18 Oktober 2024**